

**Ucapan Encik Fahmi Aliman untuk Surat Nan Budiman  
23 Mac 2024**

Dr Azhar Ibrahim, Pengerusi, Jawatankuasa Persuratan Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)

Encik William Phuan, Pengarah Eksekutif, Singapore Book Council

Dr Suriani Suratman

Para sasterawan yang dihormati

Ahli-ahli MBMS

Tuan-tuan dan Puan-puan

1. Petang ini kita berkumpul di sini untuk memperingati sasterawan, budayawan dan ilmuwan yang baharu sahaja meninggalkan kita pada 27 Februari, iaitu Pak Suratman Markasan.
2. Termaklum, Pak Suratman telah banyak menyumbang kepada inisiatif-inisiatif Majlis Bahasa Melayu Singapura pada tahun-tahun Majlis Bahasa awal ditubuhkan.
3. Beliau bukan sahaja seorang penulis, tetapi seorang cendekiawan dan juga seorang guru yang selalu memikirkan apa yang perlu dipertingkatkan dalam masyarakat.
4. Pak Suratman merupakan seorang sosok yang menunjukkan bagaimana seseorang penulis itu tidak terpisah daripada isu dan kondisi masyarakatnya. Sebagai seorang yang veteran, Pak Suratman sentiasa menitikberatkan dan mengambil berat tentang nasib dan hala tuju masyarakat. Ini amat terserlah dalam puisinya *Di Balik Bayang 80 Tahun Ibu Kandung*:

*Pada detik ini ketika berkampung di sini  
Setelah kita mengangkat martabat bangsa  
Tidakkah lita bertanya siapa menyatu Melayu ini  
Yang patah hati yang hilang biji mata jati  
Yang berdiri di atas kepala sendiri  
Yang terkubur sebelum masanya pergi*

5. Berkumpulnya kita di sini hari ini, bukan sahaja untuk memperingati Pak Suratman dan sumbangannya, tetapi juga untuk membakar semangat kita yang masih hidup ini untuk memikirkan isu-isu yang diangkat beliau dalam penulisan-penulisannya.
6. Karya-karya beliau yang kita warisi haruslah dikaji untuk terus memperkaya bidang persuratan setempat.
7. Dengan izin, saya teruskan ucapan ini dalam bahasa Inggeris.
8. Thank you to the Singapore Book Council for initiating this event today.
9. Today, we honour Pak Suratman and his legacy. He is a Malay literary pioneer in Singapore who has received numerous awards.

10. This event today also marks the importance of literature as a tool and platform that unites the community.
11. Pak Suratman is a figure that has shown us how a writer is not separated from the issues and conditions of his society. He is always concerned about people's destiny.
12. Indeed, a writer should be present in the society, and take note of what the community needs or struggles with, and this is exemplified in the life of Pak Suratman.
13. In honouring Pak Suratman, lets also think of how we continue reflecting and studying his writings.
14. Terima kasih.